

KEJOHANAN SUKAN ANTARA STAF KAMPUS SHAH ALAM (SASSA) UiTM

PERATURAN PERMAINAN

TENIS PERSEORANGAN (LELAKI & WANITA)

1. PERATURAN PERMAINAN

- 1.1 Pertandingan ini dijalankan mengikut syarat-syarat dan peraturan yang ditetapkan oleh Jawatankuasa Pengelola Kejohanan Sukan Antara Staf Kampus Shah Alam (SASSA) Universiti Teknologi MARA.
- 1.2 Kecuali apa yang tersebut di dalam peraturan yang menguasai pertandingan ini, maka undang-undang permainan Undang-Undang Persekutuan Tenis Antarabangsa (ITF) dan Persatuan Lawn Tenis Malaysia (LTAM) hendaklah diikuti.

2. PENDAFTARAN PEMAIN

- 2.1 Perkara yang berhubung dengan kelayakan pemain seperti yang ditetapkan
- 2.2 Setiap Jabatan dibenarkan mendaftar 2 pemain perseorangan lelaki dan 2 pemain perseorangan wanita Staf UiTM Shah Alam sahaja.

2.3 Bilangan

Tiap-tiap pasukan dibenarkan mendaftar seramai tidak lebih dari 4 orang dalam Sistem Pengurusan Kejohanan Sukan (SCMS).

2.4 Kelayakan

Pemain yang tidak disenaraikan namanya Sistem Pengurusan Kejohanan Sukan (SCMS) tidak dibenarkan mengambil bahagian.

2.5 Sistem Pengurusan Kejohanan Sukan (SCMS)

Senarai nama di SCMS hendaklah disahkan oleh Ketua Jabatan/ Dekan/ Timbalan Dekan (HEP) atau Ketua Kontinjen yang telah dilantik oleh Setiap Jabatan/ Fakulti/ Kolej Pengajian masing-masing.

2.6 Borang Pendaftaran Perlawanan

Borang Pendaftaran Perlawanan yang mengandungi senarai nama pemain dan hendaklah diserahkan kepada penyelaras permainan 30 minit sebelum permainan bermula.

3. FORMAT PERTANDINGAN

- 3.1 Pertandingan adalah secara individu perseorangan.
- 3.2 Pusingan awal hingga suku akhir perlawanan dijalankan secara kiraan pro set (8), 8/8 tie break.
- 3.3 Perlawanan separuh akhir dan akhir dijalankan Best of 2 set. Sekiranya seri, set ke 3 ditentukan secara Super Tie Break.

4. PAKAIAN

Semua pemain tenis dikehendaki memakai pakaian tenis yang sopan dan sempurna.

5. PERALATAN

- 5.1 Pihak pengajur hanya menyediakan bola untuk pertandingan.
- 5.2 Menjadi tanggungjawab pengurus pasukan dan pasukan bagi menyediakan peralatan lain yang difikirkan perlu bagi setiap perlawanan.

6. KELEWATAN

- 6.1 Senarai nama pemain / peserta hendaklah diserahkan kepada Pengadil / Juri bertugas 15 minit sebelum masa perlawanan bermula.
- 6.2 Hanya 10 minit akan diberikan kepada pasukan / peserta yang lewat dan selepas itu pihak lawannya akan diberikan kemenangan percuma.

7. PERLAWANAN YANG DITUNDA/DIBERHENTIKAN

Sekiranya pengadil berpendapat bahawa gelanggang tidak sesuai, keadaan cuaca buruk, kekacauan, rusuhan atau kerana hal-hal tidak dijangkakan dan perlawanan tidak dapat dimainkan atau diteruskan, maka perlawanan yang ditunda atau diberhentikan itu hendaklah dilangsungkan pada, tempat dan masa yang ditentukan oleh Jawatankuasa Pengelola.

8. MENARIK DIRI/ MENYERAH KALAH

Sila rujuk Perkara 16.0 Peraturan Am Sukan Antara Staf Kampus Shah Alam (SASSA).

9. BANTAHAN

Sila rujuk Perkara 17.0 Peraturan Am Sukan Antara Staf Kampus Shah Alam (SASSA).

10. PERKARA YANG TIDAK DINYATAKAN

Semua perkara yang tidak dinyatakan dalam ini akan diputuskan oleh Jawatankuasa Pengelola yang berkenaan dan keputusan adalah MUKTAMAD.